



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

WEJANA BANTU SURI RUMAH JALANKAN PERNIAGAAN SENDIRI

KUCHING SARAWAK, 13 SEPTEMBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengambil langkah proaktif melaksanakan **Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana)** yang merupakan program bimbingan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan dan ingin memantapkan pengetahuan untuk menjalankan perniagaan. Ia merupakan program pembangunan kapasiti yang meliputi elemen kemahiran melalui bimbingan dan latihan. Program WeJana ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan peserta **secara puratanya sebanyak RM1,000.00 sebulan.**

Program WeJana 2023 yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat pada hari ini mensasarkan peserta daripada kalangan **suri rumah wanita yang terlibat dengan penjagaan tanpa gaji (*unpaid care work*)** supaya mereka dapat memperoleh pendapatan di samping dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai penjaga.

Objektif utama Program WeJana 2023 ini ialah untuk membimbing peserta untuk menjana dan meningkatkan pendapatan sendiri dan memberi latihan yang sistematik dalam memulakan perniagaan, khususnya perniagaan dalam talian. Peserta akan diperkenalkan kepada Modul program WeJana 2023 yang merangkumi empat (4) aspek iaitu **pengurusan kewangan, jualan dan pemasaran, penjenamaan perniagaan,** dan akhir sekali **perkhidmatan pelanggan.**

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha KPWKM menyediakan ekosistem yang menyokong kepada wanita yang terlibat dalam aktiviti ekonomi menerusi bantuan kewangan untuk membantu usahawan wanita di bawah Wanita Bangkit yang dilaksanakan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan penyediaan akses kepada latihan dan pembangunan kapasiti (*upskilling dan reskilling*) yang dijalankan oleh JPW.

Peserta yang terpilih untuk program WeJana ini adalah peserta daripada Program Wanita Bangkit@KPWK. Ini adalah merupakan kesinambungan program pemerksaan wanita yang dilaksanakan secara strategik melalui agensi-agensi KPWKM bagi menjana pendapatan kaum wanita dan berupaya untuk berdiri diatas kaki sendiri.

Pelaksanaan program WeJana 2023 ini diharap akan dapat meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh dengan memberi ruang dan peluang kepada suri rumah wanita untuk menjalankan perniagaan serta dapat menjana pendapatan untuk keluarga mereka.

Turut hadir dalam program ini ialah YBrs Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
13 SEPTEMBER 2023**